BERITA HASiL
LHDN MALAYSIA
EDISI 01 2023
PERCUMA
www.hasil.gov.my

CHARACTERISTICS AND ESTIMATES OF THE SIZE OF UNDERGROUND ECONOMY (UE) IN MALAYSIA

Tahniah HASiL - Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah 2022

PERBANKAN DIGITAL

Permudah Urusan LHDNM Kutip Cukai

LHDN
MALAYSIA
Sepintas e-Buku HASiL
e-Book at a Glance
LEADING CHANGE
DRIVING EXCELLENCE
2023
SEPINTAS
e-BUKU HASiL
MUAT TURUN DI
MyTax
LAYARI:
https://mytax.hasil.gov.my
GET IT ON Google Play
Download on the App Store
Available on the AppGallery

Tahniah

HASiL

PENSIJILAN MS ISO 37001 : 2016
ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM

Syabas dan tahniah kepada
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) atas
Pensijilan MS ISO 37001 : 2016 Anti-Bribery Management System
bagi skop:

1. Pelepasan Sementara Dan Pembatalan Sekatan Perjalanan Individu Selain Pengarah Syarikat;

2. Semakan Menyeluruh Kes Syarikat; dan

3 Perkhidmatan Sokongan.

Pensijilan ini melibatkan pelaksana di Ibu Pejabat (Cyberjaya), LHDNM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Lokaliti KL Bandar) dan LHDNM Selangor (Lokaliti Shah Alam).

Pensijilan ini berkuat kuasa mulai 09 Februari 2023.

13 FEBRUARI 2023

ISI

KANDUNGAN

5

Ikon

Dr. Marhaini binti Mahmood, Pengarah Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko 5

12

Fokus Cukai

Perbankan Digital Permudah Urusan LHDNM Kutip Cukai 12

15

Semasa

HASiL *Research Snapshot* (HRS) : *Characteristics and Estimates of the Size of Underground Economy (UE) in Malaysia* 15

18

Rangkuman

Perhimpunan Tahun Baharu 2023 18

Program Bicara CEO Bersama Pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) 19

Majlis Sambutan Hari HASiL Ke-27 21

Sesi Libat Urus HASiL Dan Agensi 25

Ambang Jumlah Pendapatan TT 2022 32

33

Klinik Cukai

Duti Setem 33

Hadiah Dan Sumbangan Yang Dibenarkan 35

Trivia Aktiviti Pendidikan Cukai HASiL 37

Permohonan Taklimat Jom Klik HASiL 38

39

HASiL Prihatin

Rangkuman Aktiviti HASiL Bersama Komuniti 39

43

Cetusan

Guide to Professionalism in the Workplace 43

Anda Buntu? HASiL Sedia Membantu 46

TEAM BERITA HASIL

PENAUNG :
YBhg. Datuk Dr. Mohd. Nizom Bin Sairi

PENASIHAT :
Noraini Binti Mustafa

PENYELARAS :
Kasmawati Binti Moin

SUSUNAN & PENYEDIAAN BAHAN :
Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia,
Jabatan Khidmat Korporat

PEREKA GRAFIK :
Precious Print Sdn. Bhd.

TERIMA KASIH :
YBrs. Dr. Marhaini Binti Mahmood,
Pengarah Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko
YBrs. Dr. Marliza Binti Mohamed,
Jabatan Penyelidikan dan Strategik
Bahagian Komunikasi, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Bahagian Pendidikan Cukai,
Jabatan Khidmat Korporat

EDARAN :
Pusat Sumber HASiL

TARIKH KELUARAN :
Mei 2023

CETAKAN :
Precious Print Sdn. Bhd.
No. 28, Jalan SC 5/B,
Pusat Perindustrian Sg Chua,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8740 3249 Fax: 03-8740 3248

preciousprintsb@gmail.com

DR. MARHAINI BINTI MAHMOOD

PENGARAH JABATAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN RISIKO

> Apa sahaja yang dibuat, lakukanlah dengan ikhlas dan penuh berintegriti

Team Berita HASiL amat bertuah kerana berpeluang untuk menemuramah seorang figura yang amat sinonim dengan pengurusan risiko dan integriti dalam HASiL. Dedikasi serta komitmen beliau dalam menerajui Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko (JIPR) terutamanya semasa fasa pandemik Covid-19 yang melanda dunia, amat memberikan impak besar bukan sahaja buat jabatan beliau, malah terhadap HASiL secara amnya.

Beliau yang dimaksudkan adalah YBrs. Dr. Marhaini Binti Mahmood, Pengarah Jabatan Integriti Dan Pengurusan Risiko.

INTEGRITI

Pengertian Integriti

Jika ditanyakan tentang maksud integriti, kita dapat melihat pelbagai makna tersuratnya melalui pelbagai saluran. Namun pada saya, integriti itu boleh diterjemahkan sebagai kita tidak melakukan sebarang salah laku atau melanggar peraturan walaupun ketika bersendirian. Sebagaimana konsep dalam agama juga, walau tiada sesiapa di sisi kita, Tuhan itu tetap ada.

Penerapan Nilai Integriti Dalam Kalangan Pegawai Seliaan

Saya selalu berpesan kepada pasukan saya di JIPR, sebagai pemilik proses kepada integriti, kita seharusnya berada selangkah ke hadapan. Ini memandangkan kami di JIPR terlibat dalam melaksanakan pemantauan integriti, jadi adalah penting bagi kami untuk menjadi *role model* kepada HASiLian yang lain.

Namun pada asasnya, pemupukan nilai integriti ini seharusnya bermula dari rumah dalam keluarga masing-masing. Mengambil contoh peribadi, semasa anak-anak masih di bangku sekolah, saya akan semak dan pastikan mereka tidak terambil barangan kawan-kawan di sekolah. Sekiranya mereka tersalah ambil, saya akan minta mereka kembalikan semula kerana ia bukan hak kita. Mungkin ini dilihat kecil, tetapi ia boleh memberikan impak besar sekiranya dilaksanakan oleh setiap antara kita. Itulah nilai yang saya harapkan dalam diri setiap pegawai seliaan saya.

Kita selalu menjadikan negara Jepun sebagai tauladan sekiranya menyentuh tentang integriti dalam pelbagai sudut. Jika diperhalusi, negara matahari terbit itu menekankan penerapan nilai murni ini seawal usia kanak-kanak lagi. Jadi, asuhan sebeginilah yang akan membentuk peribadi rakyat mereka, seterusnya berkembang menjadi budaya yang memantulkan imej baik warga Jepun di mata dunia.

KEPIMPINAN

Ciri Kepimpinan yang Perlu Dipupuk dalam Diri Individu

Sebelum bercakap tentang ciri-ciri seorang pemimpin, kita perlu perhatikan dahulu nilai yang perlu ada pada seseorang individu. Saya teringat kata-kata Warren Buffett, seorang ahli perniagaan Amerika yang dikatakan antara pelabur paling berjaya dalam abad ke-20 :

"In looking for people to hire, look for three qualities: INTEGRITY, intelligence and energy. And if they don't have the first, the other two will kill you."

Jadi, dapat dilihat di sini bahawa nilai utama yang perlu ada pada diri seseorang tersebut adalah **integriti**. Walaupun seseorang itu memiliki ketiga-tiganya, tetapi dua ciri selepasnya seakan tidak berguna sekiranya tiada integriti.

Kedua, penting bagi seseorang pemimpin untuk memiliki **kemahiran** dan **pengetahuan** dalam banyak perkara. Ciri-ciri ini juga penting kerana sebagai pemimpin, kita juga akan menjadi rujukan bukan sahaja kepada pegawai seliaan, malah kepada pihak-pihak lain yang berkaitan dengan tugas hakiki.

Selain itu, pemimpin juga perlu sentiasa sihat dan **bertenaga**. Apabila seseorang pemimpin itu mempunyai tenaga dan stamina yang tinggi, secara tidak langsung ia akan memberi semangat dan menyemarakkan aura positif kepada pegawai seliaan serta orang sekeliling.

Seorang pemimpin seharusnya mempunyai **kemahiran untuk memotivasikan** orang lain. Menjadi seorang pemimpin bukan sekadar memberikan arahan sahaja, tetapi mampu untuk memberi galakan kepada pegawai seliaan bagi melakukan sesuatu pekerjaan dengan lebih efektif dan efisien.

Dalam masa yang sama, seorang pemimpin perlu mempunyai **keterbukaan** yang tinggi serta **mudah untuk didekati** oleh orang sekeliling. **Kemahiran berkomunikasi** yang bagus dan ***being supportive*** juga merupakan kriteria yang penting dalam diri seseorang pemimpin kerana ia akan memudahkan kerja yang bukan sahaja tertakluk kepada lingkungan sendiri, tetapi melibatkan jabatan dan cawangan lain juga.

CABARAN

Cabaran dalam Tugasan dan Penyelesaian

Bagi saya, cabaran yang paling besar bagi kami di JIPR adalah semasa pandemik Covid-19 tahun 2020. Sebelum fasa itu, JIPR adalah jabatan yang lebih dikenali dengan tugasan audit pemantauan dan penguatkuasaan yang hanya akan melibatkan kumpulan-kumpulan yang kecil sahaja. Tetapi, apabila berlakunya fasa pandemik itu, kami dipertanggungjawabkan dalam banyak perkara, terutamanya dalam penentuan prosedur operasi standard (SOP) yang menjurus kepada pengoperasian HASiL. Semasa situasi itu berlaku, kami perlu bekerjasama rapat dengan beberapa agensi, termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bagi program vaksinasi HASiL di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Bagi saya, ia amat mencabar kerana senario tersebut dihadapi oleh semua negara dan lebih kritikal apabila melibatkan kematian.

Nilai Tambah Kepada Prestasi Semasa HASiL

Bagi JIPR, cabaran kami adalah menjurus kepada memastikan setiap HASiLian adalah insan yang berintegriti. Namun, ia bukan sesuatu yang mudah untuk dicapai kerana fitrah seorang manusia biasa walaupun kita tidak sesekali bertoleransi dengan mana-mana kes salah laku yang berlaku dalam kalangan HASiLian. Justeru, inisiatif berterusan perlu dibuat dalam memastikan objektif kita mencapai sasarannya.

Antara yang kita telah peroleh dan laksanakan sebelum ini adalah Pelan AntiRasuah LHDNM (PeARL), serta yang terkini adalah Pensijilan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS). Dalam masa yang sama, JIPR juga mengeluarkan hebahan sebagai kesedaran kepada pegawai dan penyampaian taklimat yang berterusan bagi memastikan hasrat organisasi tercapai.

Mulai tahun 2023, satu kompilasi bagi laporan penemuan audit ini akan dikeluarkan untuk dijadikan panduan kepada semua HASiLian. Adalah diharapkan agar usaha sebegini dapat memberi gambaran yang lebih jelas berhubung tindakan susulan yang diambil oleh JIPR dalam menangani sesuatu isu integriti dan risiko yang timbul serta menjadi peringatan kepada HASiLian untuk lebih memberi perhatian dalam tugasan hakiki masing-masing.

Di JIPR, kami akan cuba untuk menampilkan inisiatif terkini berkaitan kesedaran tentang integriti termasuk program tanggungjawab komuniti sosial di sekolah-sekolah. Bagi tahun 2022, kami telah libatkan sekolah sekitar Cyberjaya dan Damansara. Harapan kami adalah untuk memberi kesedaran kepada generasi muda ini tentang kepentingan integriti dalam jati diri mereka dan dalam masa yang sama, mereka juga sedar bahawa agensi percukaian seperti HASiL turut menitikberatkan nilai ini.

WAWASAN DAN HALA TUJU

Hala Tuju Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko

Kami di JIPR mempunyai lima fungsi yang mencakupi pengurusan risiko, integriti, pengurusan risiko pematuhan cukai, audit pematuhan dan audit ISO. Jika ditanyakan tentang hasrat, saya berhasrat agar struktur di JIPR akan lebih diperbesar bagi membolehkan tugas-tugas dapat dijalankan dengan lebih efektif dan efisien. Saya juga berharap agar lebih banyak skop tugas di sini dapat dilaksanakan secara digital selain daripada sistem i-RIS (Sistem Maklumat Pengurusan Risiko) yang sedia ada. Ini juga selaras dengan pelan strategik kami bagi memudahkan HASiLian untuk mengakses maklumat berkaitan pengurusan risiko dan integriti. Pendigitalan dalam proses kerja ini bukan sahaja memudahkan urusan kerja sesama HASiLian, malah turut melancarkan segala urusan yang melibatkan pelanggan dan agensi-agensi yang bersekutu dengan HASiL.

Harapan Terhadap HASiL

Harapan saya, HASiL akan terus menjadi institusi percukaian yang unggul sama ada di dalam atau luar negara. Malah, kita dapat lihat bahawa kewibawaan dan kredibiliti organisasi ini diiktiraf apabila Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dilantik sebagai pengerusi bagi beberapa pertubuhan percukaian peringkat antarabangsa. Di Malaysia, HASiL sentiasa dijadikan sebagai penanda aras dalam kalangan agensi dan organisasi sejajar dengan reputasi baik yang ditonjolkan selama ini.

Saya juga berharap bahawa HASiL akan sentiasa dilihat sebagai sebuah badan yang mesra dan terbuka dalam membantu rakyat Malaysia melaksanakan tanggungjawab mereka. Ini juga bertepatan dengan pendekatan HASiL iaitu : Kami Membantu, Bukan Memburu dan Kami Mengajar, Bukan Mengejar. Sejak pengenalan bantuan khas kerajaan, pelanggan kita bukan sahaja terdiri daripada pembayar cukai, malah meliputi pelbagai golongan masyarakat Malaysia. Oleh itu, amat penting untuk kita mengetahui dan melaksanakan kaedah terbaik dalam memenuhi ekspektasi mereka.

KENANGAN, PENCAPAIAN DAN IMPIAN

Kenangan Tidak Dapat Dilupakan Sepanjang Perkhidmatan

Jika ditelusuri awal perjalanan kerjaya, saya terlibat dengan dalam banyak projek pengkomputeran (*computerization*), terutamanya semasa berada di Cawangan Pungutan sebelum ini. Pengalaman sebagai seorang *software engineer* dan *computer programmer* sebelum menyertai HASiL banyak membantu saya semasa terlibat secara langsung dalam projek-projek tersebut. Antaranya adalah penglibatan dalam pelaksanaan sistem resitan baharu yang berasaskan *server* berbanding sebelum ini yang berasaskan *mainframe*. Apabila sistem semakin stabil serta kukuh, ini akan menambah baik sistem kaunter dan khidmat pelanggan. Perkara ini mendorong kepada penganugerahan kaunter terbaik kepada HASiL suatu masa dahulu.

Yang terkini adalah HASiL mendapat anugerah gangsa bagi Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah 2022 oleh Institut Integriti Malaysia (IIM). Penganugerahan sebegini sememangnya memberi kenangan manis, malah di setiap tempat perkhidmatan itu sebenarnya membawa keunikan dan memori tersendiri kepada saya. Apa yang lebih mengesankan adalah pengalaman dan ilmu yang diperoleh dalam perjalanan kerjaya saya itu. Dalam masa yang sama, segala apa yang diusahakan ini diharapkan akan meninggalkan impak yang baik kepada legasi selepas ini.

Pencapaian Peribadi

Dari sisi peribadi, peluang meneruskan pengajian sehingga ke peringkat PhD adalah antara pencapaian yang terbaik buat saya. Perjalanan untuk memperoleh pengijazahan kedoktoran tersebut sememangnya memberikan cabaran yang sangat besar bukan sahaja kepada saya, malah turut melibatkan ahli keluarga. Apa yang paling penting, selain daripada komitmen dan dedikasi daripada penuntut tersebut, sokongan serta dorongan yang kuat daripada keluarga juga amat-amat diperlukan. Walaupun tidak berada di tanah air kerana saya menyambung pengajian PhD di University of Warwick, Coventry, England; namun saya sangat bersyukur kerana suami amat memahami dan membantu dalam meringankan banyak urusan keluarga sepanjang keberadaan kami di sana. Peluang untuk mengerjakan haji dalam tempoh perkhidmatan, lebih-lebih lagi selepas fasa pandemik yang serba mencabar juga merupakan pencapaian peribadi terbaik bagi diri saya.

Syukur, atas kepercayaan daripada Pengurusan Atasan yang memberi saya peluang melalui jawatan sebagai Pengarah JIPR ini, *The Organization for Economic Cooperation and Development* (OECD) telah melantik saya sebagai salah seorang ahli dalam *Enterprise Risk Management Advisory Group* yang turut dianggotai oleh Amerika Syarikat, Perancis, Norway, Denmark dan New Zealand. Peluang yang sebesar ini memberi satu pengalaman dan kenangan yang mahal buat saya untuk dikenang, lagi-lagi selepas persaraan nanti.

INSPIRASI BUAT HASiLiAN

Bagi saya, apa sahaja yang dibuat, lakukanlah dengan ikhlas dan penuh berintegriti. Selain itu, kita perlu sentiasa gembira dan cuba untuk cipta suasana positif bermula dari dalam diri sendiri. Nilai-nilai ini akan 'berjangkit' kepada orang sekeliling kita, jadi adalah penting bagi kita memilih yang terbaik untuk disebarkan.

HASiLian adalah imej HASiL. Oleh itu, penting untuk kita menjaga nama baik HASiL dengan mempersiapkan diri dengan ilmu yang sepatutnya. Dalam masa yang sama, integriti tetap perlu dijaga, lebih-lebih lagi jika melibatkan tugas hakiki.

Setiap apa yang diusahakan oleh generasi terdahulu dalam organisasi ini adalah untuk kebaikan dan kemudahan kepada legasi yang akan mewarisi. Jadi saya mengharapkan agar HASiLian akan lebih menghargai dengan segala yang dikecapi pada masa sekarang. Mungkin mudah untuk capai sesuatu perkara, tetapi bukan senang untuk mengekalkannya, terutamanya jika melibatkan kepercayaan dan kredibiliti.

SANTAI SEMINIT

1) Hobi pada masa lapang

Tonton televisyen

2) Warna pilihan

Warna atau rona pastel

3) Jika bukan seorang pegawai HASiL, apakah cita-cita atau karier pilihan Dr. Marhaini

Mungkin saya akan teruskan kerjaya dalam bidang pengkomputeran ini dengan organisasi sebelum menyertai HASiL

4) Pandangan tentang tanggungjawab

Tanggungjawab berkait rapat dengan amanah, dan amanah tidak akan lari daripada kepercayaan. Jadi, kita perlu melaksanakannya dengan sebaik mungkin agar ekspektasi yang diberikan juga akan tercapai.

5) Pandangan tentang imej

Penting kerana ia adalah fasa pertama pengenalan diri kita di mata orang lain.

7) Bersukan atau berkebun

Walaupun kurang menjalankan kedua-dua aktiviti ini, tapi saya lebih memilih untuk bersukan.

8) Shopping atau melancong

Pilihan yang agak sukar sebab saya suka kedua-duanya! Kalau perlu memilih, saya pilih melancong.

9) Pandangan terhadap pengurusan kewangan

Berikan keutamaan kepada apa yang kita perlu, bukan apa yang kita inginkan. Kita perlu ada *contingency plan* dalam apa jua yang dilakukan bagi persediaan semasa kecemasan. Jika ada lebihan, boleh juga sebahagian daripadanya digunakan sebagai hadiah untuk diri sendiri. Namun, mungkin boleh beri keutamaan kepada pelaburan yang akan memberi keuntungan pada masa akan datang.

10) Harapan terhadap generasi baharu

Bekerjalah kita seperti akan hidup selama seribu tahun, tetapi beribadatlah seakan-akan kita akan menemui ajal pada hari esok. Selain itu, saling hormat menghormati sesama kita agar keharmonian akan sentiasa terjaga. Saya juga berharap agar generasi baharu Malaysia akan mendokong nilai-nilai murni dengan lebih baik agar negara kita dipandang tinggi di mata dunia. Ini mungkin dilihat usaha yang kecil, tetapi sekiranya dilakukan secara sepakat dalam masyarakat, ia akan membentuk budaya yang baik untuk negara kita.

SELAYANG PANDANG

- Berasal dari Alor Setar, Kedah
- Anak kepada seorang ahli bomba
- Pernah bertugas di Sime Darby System sebagai Software Engineer dan Jabatan Perdana Menteri di bawah Social Economic Research Unit (SERU)
- Memulakan tugas di Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) pada Januari 1991 di Cawangan Pungutan
- Beliau meneruskan pengajian dalam Ijazah Sarjana (Masters) dan Kedoktoran (PhD) semasa bertugas di HASiL.
- Beliau merupakan antara individu terawal terlibat dalam penggabungan Jabatan Integriti dan Inspektorat (JII) dan Jabatan Pengurusan Risiko (JPR)

Tahniah

HASiL

ANUGERAH GANGSA - ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH 2022

Tahniah dan syabas buat HASiL
atas penganugerahan
Anugerah Gangsa dalam Majlis Anugerah Integriti,
Governans Dan Antirasuah 2022
anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM).

17 JANUARI 2023

PERBANKAN DIGITAL
PERMUDAH URUSAN LHDNM KUTIP CUKAI

Oleh : Prof Madya Dr Mohd Rizal Palil

Bank Negara Malaysia (BNM) telah memberikan lesen perbankan digital di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) kepada lima konsortium pada April 2022. Perkhidmatan perbankan digital ini dijangka akan mula dilaksanakan di Malaysia seawal Jun 2023. Fungsinya hampir sama dengan bank tradisional tetapi menggunakan konsep baharu yang menerapkan teknologi, iaitu sistem kecerdasan buatan atau *artificial intelligent* dan kini perkhidmatannya telah mula berkembang pesat ke seluruh dunia.

Mewujudkan lebih ramai entiti tertakluk cukai pendapatan

Perbankan internet hanya tertumpu kepada urusan perbankan oleh pengguna tanpa perlu hadir ke kaunter bank. Tetapi bagi perbankan digital, ia adalah transformasi dalam industri perbankan secara keseluruhan merangkumi ekosistem yang didigitalkan untuk meningkatkan operasi perbankan termasuk dari segi kepantasan berurusan, keselamatan kewangan, ketepatan maklumat perbankan dan kemudahan aplikasi.

Pelaksanaan perbankan digital ini memberi peluang kepada perniagaan berskala kecil, terutamanya apabila transformasi perbankan itu memudahkan lagi untuk mereka menyimpan rekod perniagaan dengan teratur dan mendapatkan pinjaman kewangan bagi perniagaan masing-masing.

Kemudahan pinjaman yang diperoleh ini akan merancakkan lagi ekonomi negara dan seterusnya dapat membantu meningkatkan keuntungan perniagaan mereka.

Perubahan ini sekali gus memberi implikasi positif untuk jangka panjang kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) apabila kutipan cukai semakin meningkat dengan bertambahnya bilangan pembayar cukai yang terdiri daripada golongan peniaga ini.

Data pelanggan perbankan digital bantu LHDNM kenal pasti maklumat pembayar cukai

Tanpa pelanggan, sesebuah perniagaan itu tidak akan berjaya. Begitu juga dengan kedudukan perbankan digital. Tanpa pelanggan, sesebuah bank tidak mampu berkembang sekiranya tiada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan bank itu untuk urus niaga mereka. Di Malaysia, golongan peniaga sama ada konvensional mahupun dalam talian adalah pelanggan terpenting dalam menyokong perkembangan bank digital di Malaysia.

Berdasarkan kajian oleh VISA, 68 peratus daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) cenderung ke arah penggunaan perbankan digital yang lebih pantas, mudah dan perkhidmatannya tersedia 24 jam sehari. Ini membantu LHDNM untuk lebih mudah mengenal pasti entiti yang tertakluk kepada cukai pendapatan berdasarkan kepada data pelanggan termasuk peniaga yang menggunakan perbankan digital.

Urus niaga dalam talian – Kelebihan kepada LHDNM

Rakyat Malaysia kini lebih cenderung kepada pembelian secara dalam talian yang lebih mudah dan menjimatkan masa kerana semua transaksi dilakukan secara maya.

Bukan itu sahaja, pembelian secara dalam talian memberi peluang kepada pembeli untuk membuat perbandingan harga terhadap sesuatu barangan yang ingin dibeli dengan membuat carian di laman-laman jualan yang berkaitan.

Urus niaga secara dalam talian melalui bank digital ini memberi kelebihan kepada LHDNM untuk melaksanakan audit cukai bagi perniagaan yang terbabit. Bukan itu sahaja, pihak yang terbabit dalam urus niaga itu lebih mudah untuk dikenal pasti melalui urus niaga digital berbanding urus niaga menggunakan wang kertas.

Seterusnya, kutipan cukai akan menjadi lebih mudah dan pantas melalui proses pembayaran secara digital ini.



Urus niaga secara dalam talian melalui bank digital ini memberi kelebihan kepada LHDNM untuk melaksanakan audit cukai bagi perniagaan yang terbabit.

Fungsi bank digital tangani aktiviti ekonomi bayangan

Aktiviti ekonomi bayangan yang juga dikenal sebagai pengelakan cukai berlaku apabila pembayar cukai melarikan diri daripada pihak berkuasa cukai untuk membayar cukai, dengan menyembunyikan transaksi kewangan mereka yang sebenar.

Aktiviti ini termasuklah tidak melaporkan pendapatan, tidak merekodkan transaksi tunai atau menggunakan kaedah lain tanpa resit serta menyembunyikan wang, saham atau aset lain dalam akaun bank luar pesisir.

Bukan itu sahaja, golongan yang terbabit dengan aktiviti ini juga akan memalsukan perbelanjaan peribadi mereka sebagai perbelanjaan perniagaan kerana perbelanjaan itu dibenarkan untuk ditolak dalam pengiraan pendapatan bercukai atau menuntut elaun berkenaan harta syarikat yang digunakan untuk kegunaan peribadi tanpa alasan perniagaan yang sah.

Aktiviti ini boleh mengakibatkan kerugian besar terhadap hasil kutipan cukai kepada kerajaan. Kerajaan menganggarkan saiz ekonomi bayangan di Malaysia adalah sekitar 21 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Ekonomi bayangan juga akan menjejaskan kredibiliti normal sosial dan sistem percukaian dalam menyokong pematuhan cukai secara sukarela yang akan menyebabkan kutipan cukai tidak dapat dikutip sepenuhnya.

Pemain dalam aktiviti ekonomi bayangan ini tidak adil kepada pembayar cukai yang jujur dan tidak terbabit dalam ekonomi bayangan.

Dengan wujudnya perbankan digital ini, ketidakadilan ini boleh dielakkan supaya pembayar cukai membayar cukai yang sepatutnya dan semua urus niaga akan direkodkan dengan tepat, sekali gus dapat disemak semula sekiranya diperlukan.

Risiko ketidakpatuhan cukai dapat dikurangkan dan seterusnya mampu meningkatkan kutipan cukai demi kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara.

Memudahkan semakan pelaporan pendapatan

Kemudahan sumber data yang tepat dan tersedia melalui urus niaga bank digital memudahkan proses tindakan semakan pelaporan pendapatan oleh pihak LHDNM.

Kebiasaannya, LHDNM mempunyai kesukaran untuk mendapatkan maklumat pendapatan dan dokumen pembuktian daripada pembayar cukai yang gagal atau terkurang dalam melaporkan pendapatan kerana perkara ini dilindungi oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Menerusi kerjasama daripada pengendali bank digital, semua proses semakan dan pembuktian data dapat dilakukan dengan mudah serta pantas untuk tujuan kutipan cukai yang tepat.

Kesimpulannya, gabungan antara mekanisme yang wujud dalam perbankan digital dan kempen kesedaran cukai yang sentiasa dilaksanakan oleh LHDNM dari semasa ke semasa pastinya mampu meningkatkan tahap pematuhan cukai khususnya individu terbabit dengan perniagaan secara dalam talian.

Ciri-ciri khas perbankan digital yang mampu mengenal pasti semua urus niaga yang dijalankan oleh individu atau entiti dengan hanya di hujung jari ini yang memudahkan urusan kutipan cukai oleh LHDNM dan seterusnya dapat menjamin sasaran kutipan cukai tahunan dapat dicapai.

Penulis merupakan Timbalan Pengarah Eksekutif (Data Strategik), Pejabat Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Artikel ini telah disiarkan dalam akhbar Berita Harian bertarikh 20 Disember 2022.

HASiL RESEARCH SNAPSHOT (HRS): CHARACTERISTICS AND ESTIMATES OF THE SIZE OF UNDERGROUND ECONOMY (UE) IN MALAYSIA

By : Dr. Marliza Binti Mohamed

Abstract

- The potential economy of a country is the total sum of GDP and a "second economy" comprising several components in the form of informal / irregular / shadow / unobserved / parallel / underground – economy
- The second economy can result to substantial economic and societal impacts, unless it is efficiently monitored and enforced effectively.
- This study aims to provide more insights into the characteristics and size of the second economy for further remedial actions.
- The scope of this study is the "underground economy" (UE), presumably escape taxes. UE is defined as the sum of irregular economy (legal activities that escape taxes) and illegal economy (illicit activities which naturally escape taxes to avoid detection).

Problem Statement

- The "second economy" has a considerable short term positive economic effects in terms of employment creation as part of survival strategies to make ends meet.
- However, in a long run mainstream economy, the negative effects would outweigh the benefits of life line and redeployed profits.
- The ultimate negative impacts can be very costly. Literature indicate UE associates with; deterioration in public finances, policy crises and distortion of the state economic structure. Proxies for UE include; inefficient goods and labour markets; dubious statistics; deprived worker's rights; and diverted finances through tax non-compliance.

Research Questions



Objectives

To document the evidence of the UE in Malaysia according to:

i. Economic incidences of observable traces (proxies) of the UE

ii. Empirical estimates of the size and growth of the components of UE by; institutional and individual participants

iii. Characteristics of UE by; business sectors, income level and income distribution

iv. Economic association of UE with priori proxies; macro indicators; negative indexes,

v. Remedial efforts and effects on the UE

Framework

Research Framework

Qualitative

- Literature of past studies
- Anecdotal evidence of economic incidences

Quantitative

Published/unpublished aggregate/disaggregate data sets of National records, in particular:

- Income Tax Audit (IRBM)
- Excise Duty Enforcement (RMC)
- Anti-Corruption Statistics (MACC)
- Illicit Activities (RMP)
- Priori proxies (DOSM, Central Bank)

Methodology

Approach: A mix of "Bottom-Up" and "Top-Bottom" concept

Qualitative analyses

- Academic Studies
- Economic Incidences

Quantitative analyses

- Descriptive (amplified ratios and matrix correlation) on panel data sets, using SPSS.
- Regression techniques (double log models) on time series data sets (1980-2009), using EViews.

Findings

- Literature studies highlighted the natural existence of UE with positive and negative effects on the economy and society. Growth and size of UE is between 4% (developed countries) and 60% (developing countries). UE associates with priori proxies implying some causal effects of intervention.
- "Negative" economic incidences in Malaysia compel visibility of proxies and putting forward for a flourishing UE, and spurring calls for quantitative examine on the size, trend, characteristics and correlations.
- Quantitative findings are within empirical estimates/characteristics of UE in Malaysia:
  i. 5-Model size range cyclical over a period
  ii. Size of UE between 20% and 50% of the GDP, size of tax loss between 9% and 27% of the GDP
  iii. Downward trending using time series 1980-2009 statistics
  iv. Cyclical behaviour in contrast to the Official Economy magnitude, implying a "complementary and shift" phenomenon
  v. Characteristics of UE: associates positively with income invisibility and opportunities of private benefits. While, UE associates negatively with law enforcement on violations. Different correlations were observed among various economic sectors/income level/ income distribution.
  vi. In long run, UE correlates with macro variables in "correct" signs. UE increases with CPI, GDP per capita, economic crises, cash in circulation, electricity consumption, and pro- cycle to taxes.
  vii. Remedial efforts in terms of federal expenditure, suppress UE in relative size and growth. However in terms of amount, UE continue to increase, denoting a trending sizeable budgetary deficit.

Conclusion

- This study indicates a more insightful estimates of UE with characteristics inferring to economic Incidences in Malaysia, perhaps the norm for developing countries.
- The methodology employed contribute to the body of knowledge about estimating the "second economy".
- The priori UE economic association infers inter-temporal development, for formulating effective national policy measures.
- The characteristics of UE are important information in designing policy and operating measures (efficient monitoring and effective enforcement).

Research Gap

- There may be some sceptical views about the characteristics and size estimates, as findings are unique with respect to (w.r.t) stratified sampling. Correlation between UE and macro variables indicate insignificant causal association, likely due to the complexity of economic interactions. People participate the UE for too many reasons.
- Nevertheless, there is no other choice than making "heroic" assumptions, when analysing an invisible variable using proxy variables, to mirror the population.
- Future studies should include structural measures using recent time series and panel proxy data. It would also be useful to view opinions from the public and authority with regards to perceive of "bucking" the system and "tackling" the constrain, respectively.

PERHIMPUNAN TAHUN BAHARU 2023

Susunan : Jabatan Khidmat Korporat

LEADING CHANGE DRIVING EXCELLENCE

HITS
HASIL Integrated Tax System

TARIKH : 3 JANUARI 2023

LOKASI : DEWAN BANGSAWAN, MENARA HASiL CYBERJAYA
[JUGA DISIARKAN SECARA LINTAS LANGSUNG UNTUK TEAM HASiL SELAIN DI MENARA HASiL CYBERJAYA]

PENGANJUR : JABATAN KHIDMAT KORPORAT

AKTIVITI

1. Amanat Tahun Baharu KPE HASiL
2. Pelancaran Tema HASiL 2023 – Leading Change Driving Excellence
3. Pelancaran HASiL Integrated Tax System (HITS)

Program Bicara CEO
Bersama Pemegang Ijazah Doktor Falsafah

Susunan : Akademi Percukaian Malaysia

TARIKH : 11 JANUARI 2023

LOKASI : AKADEMI PERCUKAIAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR

Sebagai sebuah institusi dalaman yang menggalas amanah penting kepada pembangunan sumber manusia Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL), Akademi Percukaian Malaysia (APM) sentiasa mendokong aspirasi ***Lifelong Learning Programme (LLP)*** yang merentasi peringkat asas, lanjutan dan peralihan kerjaya sebagai usaha memastikan perkongsian ilmu pengetahuan sentiasa dijadikan budaya dalam organisasi ke arah mencapai kecemerlangan.

Berlatarbelakangkan kepada peranan tersebut, YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) HASiL telah mencetuskan aspirasi beliau agar semua pemegang PhD HASiL diberi pelawaan untuk turut sama menyumbang dalam pelbagai cabang ilmu pengetahuan dengan APM bertindak sebagai penyelaras kepada inisiatif ini.

Program Bicara CEO Bersama Pemegang Ijazah Falsafah (PhD) diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada para pemegang ijazah PhD HASiL mendengar secara langsung hasrat dan aspirasi murni KPE HASiL berkaitan pelaksanaan inisiatif sesi perkongsian ilmu pengetahuan oleh pemegang ijazah PhD HASiL dan menekankan tanggungjawab dan peranan APM sebagai institusi latihan dan landasan pembelajaran dan penyampaian ilmu pengetahuan bagi meningkatkan kompetensi HASiLian. Program ini menghimpunkan 24 orang pemegang Ijazah Falsafah (PhD) yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan cawangan khas dan turut dihadiri oleh Encik Roszamman bin Md Nawi, Pengarah APM serta pegawai-pegawai kanan HASiL.

Semoga inisiatif sebegini bakal memberi manfaat bukan sahaja kepada peserta program, malah akan memberi impak yang besar terhadap generasi baharu HASiLian dalam meneruskan kecemerlangan legasi terdahulu demi kejayaan HASiL pada masa hadapan.

YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, KPE HASiL Mengabadikan Kenangan Bersama-sama Peserta Program

YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, KPE HASiL Menyampaikan Ucapan Dan Amanat Kepada Peserta Program

SAMBUTAN HARI HASIL KE-27

Susunan : Pejabat KPE HASiL Dan Jabatan Khidmat Korporat

TARIKH : 6 MAC 2023

LOKASI : DEWAN BANGSAWAN, MENARA HASiL CYBERJAYA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari HASiL ke-27 pada 6 Mac 2023 di Dewan Bangsawan, Menara Hasil Cyberjaya yang turut disiarkan secara langsung menerusi platform *Youtube* untuk disaksikan oleh *Team* HASiL di seluruh negara. Majlis telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan I, YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL.

Pada Majlis Sambutan Hari Hasil ke-27 ini, sebanyak empat transformasi sistem baharu bagi capaian umum dan tiga inisiatif baharu bagi capaian dalaman HASiL telah dilancarkan bagi menambah baik tadbir urus dalam memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Empat transformasi sistem baharu tersebut ialah:

1. **Sistem e-TCC** merupakan platform yang disediakan oleh HASiL kepada pembayar cukai untuk mendapatkan ***Tax Compliance Certificate* (TCC) atau Sijil Pematuhan Cukai** sebagai dokumen rasmi prasyarat kepada syarikat yang ingin menyertai perolehan kerajaan. Platform ini membenarkan sijil dicetak melalui skrin MyTax sekiranya syarikat merupakan pembayar cukai (pembida perolehan kerajaan) yang mempunyai status pematuhan yang baik dalam pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dan bayaran cukai pendapatan,
2. **Sistem e-PC** sebagai kaedah baharu orang awam untuk membuat aduan berkenaan **pelarian cukai** yang dilakukan oleh mana-mana pembayar cukai individu atau perniagaan. e-PC ini telah dibangunkan bagi menggantikan kaedah e-mel dalam membuat aduan bagi memastikan pengurusan aduan yang lebih berstruktur dan sistematik,
3. **TikTok HASiL** telah dilancarkan secara rasminya pada 24 Februari 2023 dengan penampilan khas YBhg. Datuk Dr Mohd Nizom bin Sairi seiring dengan perkembangan dunia digital yang pesat. Terkini, segala maklumat percukaian dan hebahan semasa berkaitan HASiL turut boleh didapati melalui aplikasi TikTok sebagai usaha memperkasakan elemen AES *(Awareness, Education and Services)* dalam percukaian melalui saluran media sosial di pautan tiktok.com/@lhdnmofficial, dan
4. ***Malaysian Income Tax Reporting System* (MITRS 2.0)** yang dinaik taraf bagi memudahkan pengemukaan helaian kerja percukaian, penyata kewangan dan dokumen sokongan audit secara dalam talian. Kini, pembayar cukai boleh mengemukakan helaian kerja percukaian sehingga tahun taksiran terkini dan memuat naik penyata kewangan serta dokumen sokongan audit bersaiz sehingga 15mb. Sebagai makluman, kategori pengguna di bawah MITRS 2.0 ini juga telah diluaskan meliputi pembayar cukai kategori syarikat dan selain syarikat.

Tiga (3) inisiatif baharu bagi capaian dalaman HASiL :

1. ***Research Clip (RC)*** diperkenalkan dengan tujuan memaparkan **ringkasan kertas kajian** yang disediakan oleh Jabatan Penyelidikan Strategik (JPS) melalui pendekatan secara visual. RC ini turut menampilkan kajian yang mana penandaarasannya melibatkan elemen perbandingan pentadbir cukai negara luar berhubung isu yang dibincangkan dalam kertas kajian berkenaan yang kemudiannya akan diadaptasi mengikut kesesuaian pelaksanaan di Malaysia,
2. **Manual Pengurusan Risiko (MPR) 2.0** adalah merupakan **manual penambahbaikan kepada edisi pertama** yang diterbitkan pada tahun 2012 dengan maklumat terkini berdasarkan ISO 31000:2018 *Risk Management - Principles and Guidelines* serta mengambil kira pelaksanaan perubahan struktur organisasi HASiL yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2023. MPR ini disediakan bertujuan sebagai rujukan kepada *Risk Care Officer* (RCO) / *Deputy Risk Care Officer* (DRCO) dan pegawai-pegawai dalam menguruskan risiko di jabatan / negeri di samping membantu mereka mengenal pasti risiko yang boleh menjejaskan pencapaian objektif HASiL serta memastikan tindakan kawalan risiko yang efektif dapat diambil untuk mengurangkan kebarangkalian dan impak yang boleh menjejaskan reputasi atau imej organisasi, dan
3. ***IRBM Taxpayer Roadmap*** versi baharu telah ditambah baik dengan paparan interaktif bagi tujuan **panduan umum kepada orang awam** berkenaan pentadbiran cukai pendapatan di Malaysia bermula daripada proses penyediaan borang, aktiviti pematuhan, kutipan cukai, pendakwaan dan seterusnya proses rayuan. HASiL berharap *Taxpayer Roadmap* ini dapat membantu orang awam memahami pentadbiran percukaian seterusnya meningkatkan tahap kesedaran cukai dalam kalangan pembayar cukai di Malaysia.

Kemuncak pengiktirafan majlis sambutan ini adalah Anugerah Pembayar Cukai Terbaik bagi tahun 2022 yang memperakui 10 pembayar cukai dari kategori syarikat korporat yang mempamerkan tahap pematuhan yang tinggi. Pemilihan penerima anugerah ini telah dibuat berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan iaitu:

i. Amaun cukai yang dibayar adalah signifikan;
ii. Tiada tunggakan cukai sehingga Tahun 2022;
iii. Mematuhi bayaran ansuran CP204 tahun semasa;
iv. Pembayar cukai bukan sedang diaudit atau dalam tindakan siasatan cukai; dan
v. Pembayar cukai bukan dalam tindakan guaman sivil atau pendakwaan oleh HASiL.

Senarai penerima Anugerah Pembayar Cukai Terbaik Tahun 2022 adalah seperti berikut:

1. **TNB Power Generation Sdn. Bhd.**
2. **Xinyi Energy Smart (Malaysia) Sdn. Bhd.**
3. **Hong Leong Islamic Bank Berhad**
4. **99 Speed Mart Sdn. Bhd.**
5. **Mount Hatton Investments Limited**
6. **HSBC Amanah Malaysia Berhad**
7. **Bakun Hydro Power Generation Sdn. Bhd.**
8. **Hong Leong Yamaha Motor Sdn. Bhd.**
9. **Telekom Malaysia Bhd.**
10. **Coway (Malaysia) Sdn. Bhd.**

HASiL turut memberi penghargaan kepada lima orang *Team* HASiL melalui **Anugerah *Most Outsanding HASiLian* Tahun 2022** iaitu:

1. **Puan Idahroyani binti Setam, Jabatan Teknologi Maklumat**
2. **Encik Mohd Rizal bin Abdul Rahman, Cawangan Industri Khusus**
3. **Puan Haziqah binti Jaafar, LHDNM Selangor Lokaliti Klang**
4. **Encik Izrul Syahrul bin Zulkifli, Cawangan Pembayar Cukai Besar**
5. **Puan Paezah binti Ahmad, Jabatan Pengurusan Insan**

Pada tahun ini, HASiL turut menganjurkan pelbagai aktiviti menarik seperti *Virtual Tax-Edu Challenge 2023*, Majlis Bacaan Yasin, Solat Hajat dan Ceramah Perdana, Program HASiL Kasih Prihatin dan *HASiL Run.*

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan menyempurnakan gimik pelancaran diiringi oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan I (dua dari kanan), YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (pertama dari kanan) serta YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL (pertama dari kiri).

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bergambar bersama-sama 10 penerima Anugerah Pembayar Cukai Terbaik Tahun 2022.

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bergambar bersama-sama 5 penerima Anugerah Most Outstanding HASiLian Tahun 2022.

SESI LIBAT URUS HASiL DAN AGENSI

Susunan : Junaidatul Al-Fatiah Elias

Sesi libat urus HASiL dengan agensi-agensi yang terdiri daripada pelbagai sektor dan industri diadakan bertujuan memberikan penerangan serta penjelasan berhubung hala tuju dan aspirasi HASiL dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai. Ia juga merupakan platform untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada pemain industri serta pihak terlibat tentang perkara-perkara berkaitan percukaian, termasuk isu-isu yang biasa dihadapi serta cadangan penyelesaian yang akan memudahkan kedua-dua belah pihak.

JANUARI		
1.	马来西亚中小型企业商会 SAMENTA SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES ASSOCIATION	**Persatuan Pengusahaan-Pengusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SAMENTA)** Tarikh : 11 Januari 2023 Tempat : Menara HASiL Cyberjaya
2.	AMCHAM MALAYSIA	**Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (AMCHAM)** Tarikh : 16 Januari 2023 Tempat : Bangunan Faber Imperial Court, Kuala Lumpur
3.	**Pihak-Pihak Berkepentingan (Dewan Perniagaan dan Persatuan Perdagangan)** Tarikh : 30 Januari 2023 Tempat : Intercontinental Hotel, Kuala Lumpur	

FEBRUARI		
1.	Malaysia Ecommerce Industry Alliance	**Malaysia e-Commerce Industry Alliance (MEIA)** Tarikh : 9 Februari 2023 Tempat : Seri Gembira Avenue, Kuala Lumpur
2	KOCHAM KOREAN CHAMBER OF COMMERCE MALAYSIA WWW.KOCHAM.ORG.MY	**Korean Chamber of Commerce Malaysia (KOCHAM)** Tarikh : 10 Februari 2023 Tempat : Menara Public Bank 2, Kuala Lumpur
3.	**Pemain Industri Petroleum** Tarikh : 13 Februari 2023 Tempat : Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur	
MAC		
1.	MOGSC MALAYSIAN OIL, GAS & ENERGY SERVICES COUNCIL	**Malaysian Oil and Gas Services Council (MOGSC)** Tarikh : 2 Mac 2023 Tempat : Pejabat MOGSC, Kuala Lumpur
2.	DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA PPM-002-14-11011957	**Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM)** Tarikh : 3 Mac 2023 Tempat : Kuala Lumpur
3.	MRA Malaysia Retailers Association	**Malaysia Retailers Association (MRA)** Tarikh : 24 Mac 2023 Tempat : Menara UOA, Bangsar, Kuala Lumpur

MAC		
4.	media prima	**Media Prima Berhad (MPB)** Tarikh : 27 Mac 2023 Tempat : Sri Pentas, Bandar Utama
5.	何 Malaysia China HO Chamber of Global Commerce 马来西亚中国何氏总商会	**Malaysia China Ho Chamber of Global Commerce** Tarikh : 28 Mac 2023 Tempat : Dwi Emas International School, Shah Alam
6.	MCBA Malayan Commercial Banks' Association	**Malayan Commercial Banks' Association (MCBA)** Tarikh : 29 Mac 2023 Tempat : Akademi Etiqa, Kuala Lumpur
7.	DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA PPM-002-14-11011957	**Federation of Malaysian Business Associations (FMBA)** Tarikh : 30 Mac 2023 Tempat : Roti By D'Tandoor, Kuala Lumpur
8.	PERTUBUHAN PERDAGANGAN FUI HAK MALAYSIA 惠客 马来西亚惠客总商会	**Persatuan Perdagangan Fui Hak Malaysia** Tarikh : 31 Mac 2023 Tempat : Bandar Mahkota Cheras, Selangor

Tahniah

HASiL

ANUGERAH BRONZE SISTEM STAMPS

Syabas dan tahniah kepada HASiL
atas penganugerahan Anugerah Bronze bagi sistem STAMPS
dalam majlis Public Service Innovation Asia (PSIA) 2023
bersempena dengan program Malaysia Technology Expo (MTE) 2023
yang telah diadakan di World Trade Centre Kuala Lumpur.

17 MAC 2023

Tahniah

HASiL

ANUGERAH BRONZE SISTEM STAMPS

Syabas dan tahniah kepada HASiL
atas penganugerahan Anugerah Bronze bagi sistem STAMPS
dalam majlis International Innovations Awards (IIA) 2023
bersempena dengan program Malaysia Technology Expo (MTE) 2023
yang telah diadakan di World Trade Centre Kuala Lumpur.

18 MAC 2023

HASILKLSC 2023

TAHNIAH

PENGURUS , KONVENOR & TIM HASILKLSC

KEJOHANAN FUTSAL LELAKI & WANITA MAKSWIP 2023

JOHAN

FUTSAL KATEGORI WANITA

TEMPAT KE-3

FUTSAL KATEGORI LELAKI

Sekalung penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pencapaian cemerlang mengharumkan nama HASIL"

HASILKLSC 2023

TAHNIAH

PEGAWAI LHDNM YANG MEWAKILI MAKSWIP KL

DI KEJOHANAN MAKSAK INDOORGAMES 2023

KEPUTUSAN :

JOHAN ESPORTS FIFA 23

ENCIK MOHAMMAD NOR SHAFIQ NORAZAM
LHDNM WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

" Sekalung penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pencapaian cemerlang mengharumkan nama HASIL"

AMBANG JUMLAH PENDAPATAN INDIVIDU TIDAK DIKENAKAN CUKAI PENDAPATAN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2022

INCOME THRESHOLD NOT SUBJECT TO TAX FOR YEAR OF ASSESSMENT 2022

DIRI SENDIRI
SELF/ SINGLE

RM 37,333 setahun/*annually*
RM 3,111 sebulan/*monthly*

TAKSIRAN BERASINGAN / *SEPARATE ASSESSMENT*

BERKAHWIN + 1 ANAK
MARRIED + 1 CHILD
RM 39,333 setahun/*annually*
RM 3,278 sebulan/*monthly*

BERKAHWIN + 2 ANAK
MARRIED + 2 CHILDREN
RM 41,333 setahun/*annually*
RM 3,444 sebulan/*monthly*

TAKSIRAN BERSAMA / *JOINT ASSESSMENT*

BERKAHWIN + 0 ANAK
MARRIED + 0 CHILD
RM 48,000 setahun/*annually*
RM 4,000 sebulan/*monthly*

BERKAHWIN + 1 ANAK
MARRIED + 1 CHILD
RM 50,000 setahun/*annually*
RM 4,167 sebulan/*monthly*

BERKAHWIN + 2 ANAK
MARRIED + 2 CHILDREN
RM 52,000 setahun/*annually*
RM 4,333 sebulan/*monthly*

REBAT CUKAI / *TAX REBATE*

INDIVIDU DENGAN PENDAPATAN BERCUKAI TIDAK MELEBIHI RM 35,000 DIBERIKAN REBAT SENDIRI (RM 400) BAGI TAKSIRAN DIRI SENDIRI / BUJANG DAN TAKSIRAN BERASINGAN, ATAU REBAT SENDIRI (RM 400) DAN REBAT SUAMI / ISTERI (RM 400) BAGI PILIHAN TAKSIRAN BERSAMA

INDIVIDUAL WITH TAXABLE INCOME NOT EXCEEDING RM 35,000 WILL BE GIVEN REBATE (RM 400) FOR SELF-ASSESSMENT / SINGLE AND SEPARATE ASSESSMENT, OR REBATE (RM 400) AND HUSBAND / WIFE REBATE (RM 400) FOR JOINT ASSESSMENT OPTIONS

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hasil.gov.my
For further information, please visit www.hasil.gov.my

Penafian : Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan
Disclaimer : This article is published for general information only. It does not contain final advice or complete information pertaining to a particular topic and should not be used as a legal reference

DUTI SETEM

Duti Setem adalah salah satu daripada hasil negara yang dikendalikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Ia dikenakan ke atas surat cara yang didefinisikan sebagai setiap dokumen bertulis dan pada amnya, duti setem dikenakan ke atas surat cara jenis undang-undang, komersial dan urusan kewangan. Duti setem diperuntukkan di bawah undang-undang statut yang dikenali sebagai Akta Setem 1949 dan surat cara yang dikenakan duti disenaraikan di bawah Jadual Pertama akta tersebut. Dokumen atau surat cara yang disetemkan dengan sempurna boleh diterima sebagai bahan bukti di mahkamah.

Berikut adalah maklumat yang perlu anda ketahui berkaitan duti setem :

A

Jenis Duti :

i. Duti Tetap : dikenakan tanpa ada kaitan dengan balasan atau amaun yang dinyatakan dalam surat cara; dan

ii. Duti Ad Valorem : dikenakan berdasarkan nilai yang dinyatakan dalam surat cara atau nilai pasaran yang berkaitan.

B

Tempoh Penyeteman :

i. Dalam tempoh 30 hari dari tarikh duti setem disempurnakan atau ditandatangani dalam Malaysia.

ii. Dalam tempoh 30 hari selepas duti setem pertama kali diterima dalam Malaysia sekiranya disempurnakan di luar Malaysia.

C

Amaun Duti Setem :

Ditentukan oleh Pejabat Setem Negeri atau Pejabat Satelit berdasarkan dokumen atau surat cara yang dikemukakan.

D

Kaedah Penyeteman :

i. Sijil Setem / Resit Rasmi Setem (dijana oleh STAMPS – Stamp Assessment and Payment System),

ii. Setem Pelekat – Setem Hasil (dijual di Pejabat Pos sahaja); dan

iii. Resit Rasmi – Kew.38.

E

Kaedah Pembayaran :

i. Bayaran dalam talian secara FPX untuk kaedah penyeteman melalui STAMPS,

ii. Bayaran dalam talian secara Bill Payment melalui CIMB BizChannel dan Public Bank,

iii. Kiriman Wang dan Wang Pos,

iv. Cek akaun anak guaman / bank draf atas nama Pemungut Duti Setem,

v. Setem Hasil (duti tidak melebihi RM500); dan

vi. Tunai

F

Kaunter Pembayaran Duti Setem :

i. Pejabat Setem Negeri,

ii. Pejabat Satelit, dan

iii. Pejabat Daerah dan Tanah yang tertentu (setem hasil sahaja).

Penalti Lewat Penyeteman :

i. RM 25.00 atau 5% dari duti setem yang terkurang, yang mana lebih tinggi, dalam tempoh 3 bulan selepas tempoh penyeteman,

ii. RM 50.00 atau 10% dari duti setem yang terkurang, yang mana lebih tinggi, selepas 3 bulan tetapi tidak lewat daripada 6 bulan selepas tempoh penyeteman; atau

iii. RM100.00 atau 20% dari duti setem yang terkurang, yang mana lebih tinggi, melebihi 6 bulan selepas tempoh penyeteman.

G

Maklumat lanjut berhubung duti setem boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my atau dimuat turun daripada Sepintas e-Buku HASiL di laman https://mytax.hasil.gov.my.

HADIAH ATAU SUMBANGAN YANG DIBENARKAN

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu TT ditentukan mengikut peruntukan Seksyen 5, Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. Untuk menentukan jumlah pendapatan seorang individu yang bermastautin, **hadiah dan/ atau sumbangan** yang diberikan oleh individu kepada kerajaan dan institusi atau organisasi yang diluluskan boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan agregat. Potongan tertentu juga dibenarkan untuk ditolak daripada jumlah pendapatan dalam menentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai seorang individu itu.

Hadiah atau sumbangan yang boleh dituntut oleh individu adalah seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 44(6) hingga 44(11D) ACP seperti berikut:

1

Hadiah wang kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan atau institusi atau organisasi atau tabung yang diluluskan oleh KPHDN – subseksyen 44(6) ACP

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan amaun hadiah wang yang dibuat kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan dengan tiada sekatan.

2

Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan kepada Kerajaan atau Kerajaan Negeri – subseksyen 44(6A) ACP

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan nilai hadiah seperti yang ditentukan oleh Jabatan Muzium Malaysia atau Arkib Negara.

3

Hadiah wang untuk menyediakan kemudahan perpustakaan yang boleh diakses oleh orang awam atau kepada perpustakaan awam dan perpustakaan sekolah dan institusi pendidikan tinggi – subseksyen 44(8) ACP

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah terhad kepada amaun maksimum berjumlah RM20,000 dengan syarat tuntutan bagi perbelanjaan yang sama tidak dibuat di bawah perenggan 34(6)(g) ACP dalam mengira pendapatan larasan daripada punca perniagaan.

4

Hadiah wang atau sumbangan dalam bentuk barangan bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang kurang upaya - subseksyen 44(9) ACP

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan amaun hadiah wang atau sumbangan dalam bentuk barangan (nilainya seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkaitan).

5

Hadiah wang atau kos atau nilai hadiah peralatan perubatan kepada mana-mana kemudahan jagaan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan – subseksyen 44(10) ACP

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan amaun hadiah wang atau kos atau nilai (sepertimana yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan) apa-apa hadiah peralatan perubatan yang dihadkan kepada maksimum RM20,000.

6

Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana balai seni lukis negeri – subseksyen 44(11) ACP

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan nilai hadiah lukisan sepertimana yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri berkenaan.

7

Hadiah wang kepada mana-mana aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan – subseksyen 44(11B) ACP

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan amaun hadiah wang yang dibuat kepada mana-mana aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

8

Hadiah wang atau kos sumbangan dalam bentuk barangan kepada mana-mana projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan – subseksyen 44(11C) ACP

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan amaun hadiah wang atau kos sumbangan dalam bentuk barangan dengan syarat amaun tersebut tidak melebihi perbezaan antara jumlah 10% daripada pendapatan agregat dan jumlah amaun yang telah dipotong menurut proviso kepada subseksyen 44(6), 44(11B) dan 44(11D) ACP.

9

Hadiah wang dalam bentuk wakaf atau endowmen – subseksyen 44(11D) ACP

Mulai TT 2020, subseksyen 44(11D) ACP telah diperkenalkan untuk membenarkan suatu potongan berhubung dengan hadiah wang dalam bentuk– wakaf kepada mana-mana pihak berkuasa agama yang sesuai yang ditubuhkan di bawah mana-mana undangundang bertulis, badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai tersebut atau universiti awam yang dibenarkan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai tersebut untuk menerima wakaf; atau

b) endowmen kepada mana-mana universiti awam.

10

Potongan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada syarat berikut:

» Wakaf atau endowmen yang dibuat adalah bagi tujuan mencapai objektif penubuhan pihak berkuasa agama yang sesuai, badan atau universiti awam;

» Pihak berkuasa agama yang sesuai, badan atau universiti awam tersebut hendaklah mendapat kelulusan daripada KPHDN bagi tujuan subseksyen 44(11D) ACP atas permohonan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai, badan atau universiti awam tersebut; dan

» Amaun potongan hendaklah tidak melebihi perbezaan antara 10% pendapatan agregat dan jumlah amaun yang dipotong menurut proviso kepada subseksyen 44(6), 44(11B) dan 44(11C) ACP.

Maklumat lanjut berhubung hadiah atau sumbangan boleh dirujuk dalam Ketetapan Umum No.5/2021 - Pencukaian Individu Bermastautin Bahagian I – Hadiah Atau Sumbangan Dan Potongan Yang Dibenarkan yang boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my.

TRIVIA AKTIVITI PENDIDIKAN CUKAI HASiL

Susunan : Bahagian Pendidikan Cukai, Jabatan Khidmat Korporat

1

Seminar HASiL-MEF merupakan program pendidikan tahunan anjuran bersama LHDNM dan *Malaysian Employer Federation* (MEF) yang menyasarkan penyertaan daripada wakil majikan.

2

Program Seminar Percukaian Kebangsaan (SPK) adalah merupakan platform bagi membincangkan serta mengupas isu-isu semasa berkaitan dengan pindaan Belanjawan Tahunan negara.

3

Topik Percukaian telah dimasukkan di dalam silibus mata pelajaran Matematik Tingkatan 5 bagi memberikan pendedahan awal cukai kepada pelajar sekolah menengah mulai Tahun 2021.

4

HASiL juga menyediakan buku info cukai dalam pelbagai topik dan flyers pelepasan cukai serta perkhidmatan setiap tahun yang diberi nama Sepintas e-Buku HASiL. Bagi kemudahan orang awam mendapatkan info dengan cepat, buku ini juga boleh diakses secara maya di aplikasi MyTAX HASiL.

5

Program HASiL *Your Tax Buddy* merupakan aktiviti kolaborasi di antara pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dan Kementerian Pengajian Tinggi melalui Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi mendekati dan mendidik para usahawan dalam kalangan siswazah. Program ini dilaksanakan secara tidak formal melalui Taklimat Siswa Niaga Bijak Cukai dan aktiviti riadah luar iaitu *HASiL Taxplorace* bagi memudahkan pemahaman sistem percukaian Malaysia.

INFO CUKAI HASiL

LHDN MALAYSIA

No Siri: 001/2023/BPC

Penyampaian Taklimat Percukaian di bawah Program Jom Klik HASiL adalah secara PERCUMA bagi tujuan meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela

KAEDAH PILIHAN

- BERSEMUKA
- MAYA

TOPIK PILIHAN

- RAHSIA JIMAT CUKAI
- PENIAGA BIJAK CUKAI
- TAX & EXPATRIATES
- PENAMATAN PERKHIDMATAN
- BERSAMA HASIL BANGUN NEGARA
- LAYANAN PERCUKAIAN KEPADA SYARIKAT

SYARAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja sebelum program dijalankan
2. Minima 15 orang peserta untuk setiap permohonan taklimat
3. Permohonan terbuka kepada wakil majikan / IPT / Persatuan sahaja
4. Penyampaian taklimat dalam Bahasa Melayu kecuali topik "Tax & Expatriates"
5. Kelulusan permohonan taklimat tertakluk kepada ketersediaan tarikh dan penceramah LHDNM

Terbitan: BAHAGIAN PENDIDIKAN CUKAI

CARA PERMOHONAN

Imbas kod QR atau e-mel kepada taxeducation@HASIL.GOV.MY

www.hasil.gov.my | facebook.com/LHDNM | @LHDNMofficial | 03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

RANGKUMAN AKTIVITI HASiL PRIHATIN BERSAMA KOMUNITI

1. MISI BANTUAN BANJIR YAYASAN LHDNM

TARIKH : 12 Januari 2023
PENERIMA : 50 orang HASiLian yang terkesan di Kelantan dan Terengganu

2. ANAK-ANAK YATIM DAN ASNAF DI KAMPUNG SILAD, RANAU, SABAH

TARIKH : 4 Februari 2023
PENERIMA : 39 orang anak-anak yatim dan asnaf Kampung Silad, Ranau, Sabah.

3. PROGRAM CSR HASiL KASIH PRIHATIN : KAMPUNG MESILAU KUNDASANG, SABAH

TARIKH : 5 Februari 2023
PENERIMA : 150 penduduk Kampung Mesilau Kundasang, Sabah

4. PROGRAM CSR HASiL KASIH PRIHATIN : HOSPITAL CYBERJAYA

TARIKH : 27 Februari 2023
PENERIMA : Hospital Cyberjaya, Selangor

5. PROGRAM CSR HASiL : SEKOLAH SEKITAR KENINGAU

TARIKH : 9 Mac 2023
PENERIMA : 45 orang murid yang kurang berkemampuan dari Sekolah Kebangsaan St. Francis Keningau, Sekolah Kebangsaan Kampung Keningau dan Sekolah Kebangsaan Banjar Keningau

6. MAJLIS IFTAR DAN PENYERAHAN SUMBANGAN HASiL

TARIKH : 6 April 2023
PENERIMA : Lima (5) keluarga asnaf dan rumah kebajikan anak-anak yatim sekitar Selangor

Tahniah

HASiL

ANUGERAH KHIDMAT BAKTI
KOMUNITI KATEGORI PEMEGANG TARUH

Syabas dan tahniah kepada
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
atas penerimaan Anugerah Khidmat Bakti Komuniti
Kategori Pemegang Taruh sempena
Majlis Apresiasi SMK Cyberjaya 2022.
Anugerah telah disampaikan oleh
Puan Ruzaimah binti Razali,
Kaunselor Pejabat Pendidikan Daerah Sepang.

Anugerah ini merupakan penghargaan atas
Program Cakna Integriti HASiL bersama
SMK Cyberjaya pada tahun 2022.

11 FEBRUARI 2023

GUIDE TO PROFESSIONALISM IN THE WORKPLACE

By : Jennifer Herrity

Professionalism is a set of characteristics that displays your ability to be a hardworking, dependable and respectful individual in formal settings. Developing and maintaining professional behavior is essential to success in the workplace. The way you conduct yourself, relate to others and approach tasks all factor into your degree of professionalism.

This includes dressing appropriately, treating others with respect and maintaining a positive attitude. In this article, we discuss the main characteristics of professionalism and how to demonstrate that you have them.

Why is professionalism important?

Employers expect both candidates and hired employees to demonstrate professionalism when interacting with others. Those who display personal professionalism are usually rewarded with better opportunities, such as career advancement and increased compensation. Because of this, it's easy to see why professionalism is important in the workplace.

How to be professional in the workplace

Here are 10 actionable tips you can use to be more professional in the workplace:

1. Be reliable

Reliability is crucial to workplace success. Departments are more efficient and effective when co-workers can rely on one another to do their part. When you and your teammates trust each other to meet deadlines, produce quality work and respond promptly to requests, it's easier to meet organizational goals and overcome challenges.

To be reliable, you also need to be flexible and focus on your duties when faced with unforeseen obstacles.

Consider the difference between an information technology (IT) professional who becomes anxious and alarmed about a software bug and one who acknowledges the issue and calmly moves forward to fix it. Employers prefer to hire professionals who can maintain an even demeanor because they are more reliable and thus more professional.

2. Demonstrate humility

Another essential aspect of professionalism is humility or the ability to. Those who exhibit humility are confident without being arrogant and recognize the value others bring to the team. Humility helps people cooperate and work together as a team without one individual considering themself more important than others.

Humble employees respect their peers, acknowledge others' hard work and avoid boasting about personal accomplishments. These professionals often place greater emphasis on how outcomes affect the entire team rather than themselves.

3. Demonstrate etiquette

Etiquette is an unwritten code of conduct or the "proper" or "right" way to act in workplace situations. Using proper etiquette often means demonstrating good manners, being polite and treating others with courtesy and respect. This is true whether you're being interviewed for a job or seeking career advancement. While business etiquette can vary between employers and industries, it's always better to be more formal than not formal enough.

4. Be neat

One key aspect of professionalism is maintaining a professional appearance with good hygiene and cleanliness in both your appearance and workspace. You must meet your organization's professional dress code and keep your workstation free of clutter. Neatness shows others you're organized, conscious of how you present yourself and prepared to handle your job duties.

5. Show consideration

Employees who show consideration are mindful of the thoughts, feelings and needs of others. They're kind to colleagues and customers even in challenging situations. This is a vital interpersonal skill. While you may have to deliver bad news or express criticism of a project or its results, doing so with consideration is more constructive and effective.

Those who are considerate demonstrate thoughtfulness and empathy which can include everything from asking a colleague about their weekend to helping an overwhelmed co-worker complete a challenging project.

6. Demonstrate a strong work ethic

Employers prefer to hire professionals who are devoted to their work and are more likely to offer additional responsibilities and opportunities to those who are engaged in the workplace. Demonstrating work ethic shows employers you're loyal to the company and committed to delivering positive outcomes through your work. Proving you're dependable and willing to put in extra effort to meet your employer's needs will help you advance your career.

7. Be organized

While organization is similar to neatness, you can keep your desk neat but still find it difficult to locate things promptly. However, if your space is both neat and organized, you will know where everything is, find important items quickly and work more efficiently.

Being organized also extends beyond your physical workspace. Organized professionals can better manage their time and obligations. They have a clear grasp of what they're supposed to be doing at any given time and set personal deadlines to keep themselves on track. Being organized ensures they don't miss important details and make the best use of their workday.

8. Be accountable

While employers often hold their workers accountable, the most effective professionals do this for themselves. Demonstrating accountability shows others you take responsibility for your actions and their results. Accountability requires you to accept your role in mistakes or failures which can be challenging. However, it also proves your self-awareness and commitment to honesty and integrity.

9. Demonstrate integrity

Integrity is an important part of professionalism because it assures others that you will always try to do what is right and fair. Those who have great integrity are honest and ethical at all times.

Employees demonstrate integrity by delivering on their promises and taking responsibility for their actions. They take a proactive approach to challenges in the workplace rather than waiting for issues to be discovered. Acting with integrity also means being respectful of all those around you, including co-workers, supervisors, subordinates and customers.

10. Acquire expertise

While you don't need to be an expert on everything, it's important to be competent in the areas for which you are responsible. For example, a heating, cooling and air-conditioning (HVAC) technician who knows about the latest technologies for energy-efficient cooling will seem more professional to customers and peers than one who hasn't taken the time to learn the latest industry best practices.

In most cases, it takes ongoing effort to maintain a high level of industry expertise. To continue developing your knowledge and skills, you might read industry journals, attend conferences, enroll in relevant courses, practice with new technology and seek a mentor in your field. The more expertise you have in your field, the more professional you will appear to others.

Professionalism with colleagues

Navigating professionalism can become more complex when you're interacting with your co-workers. While you should always treat them with respect and tolerance, you may also form friendships that make certain formalities may feel unnatural. However, you should still be wary of acting in an unprofessional manner or engaging in misconduct. Avoid jokes or stories that might be perceived as offensive or insensitive.

When you're in a work environment, you should maintain a clear sense of professionalism that's different from how you would act in a casual environment. This includes:

- Avoiding unprofessional language
- Showing respect and compassion for those around you
- Exercising punctuality

Developing your professionalism is essential for launching and advancing a successful career. While your industry and workplace environment has a significant impact on which aspects of professionalism are most important, adopting the characteristics and habits listed above can help ensure you're prepared no matter where you work.

Extracted from Guide to Professionalism in the Workplace, https://www.indeed.com/career-advice/career-development/the-ultimate-guide-to-professionalism

? Saya telah membuat penghantaran Borang Nyata sebelum tarikh akhir dan layak menuntut bayaran balik. Perlukah saya membuat permohonan bagi menuntut bayaran balik tersebut?

••• Tidak perlu. Bayaran balik akan diproses dalam tempoh 30 hari bekerja bagi kes penghantaran secara e-Filing atau 90 hari bekerja bagi penghantaran secara pos atau serahan tangan.

? Saya telah membuat bayaran melalui ByrHasil daripada sistem e-Billing. Bagaimakah saya boleh membuat semakan rekod transaksi yang telah dibayar?

••• Pembayar cukai boleh menyemak rekod transaksi seperi langkah – langkah berikut:
Log masuk ke MyTax di pautan https://MyTax.hasil.gov.my/ > Klik Perkhidmatan ezHasil > Klik e-Billing > Klik Rekod Transaksi.

? Saya tidak menerima emel makluman status bayaran 'Berjaya' selepas selesai melakukan bayaran melalui ByrHasil. Saya perlukan resit bayaran cukai pendapatan saya.

••• LHDNM tidak mengeluarkan resit pembayaran bagi semua transaksi bayaran cukai melalui kemudahan e-bayaran dan bank yang dilantik sebagai ejen kutipan. Sebaliknya pembayar cukai atau wakil cukai perlu memastikan semua slip pengesahan bank atau slip transaksi e-bayaran yang sah disimpan dengan baik sebagai resit pembayaran / bukti bayaran.

Walau bagaimanapun, pembayar cukai boleh membuat cetakan resit melalui aplikasi MyTax melalui pautan https://MyTax.hasil.gov.my/ di bawah menu MyTax Status.

Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission Malaysia

1993-2023

invest smart®
A Securities Commission Malaysia Initiative

AWAS! SILAP LABUR, DUIT LEBUR

7 Cara Melindungi Diri Anda Dari Menjadi Mangsa Scam Bila Melabur

1

Berwaspada dengan peluang pelaburan yang ditawarkan di platform media sosial

2

Jangan deposit wang anda ke dalam akaun bank milik individu

3

Hanya buat pembayaran ke akaun bank rasmi entiti yang berlesen atau berdaftar dengan SC

4

Imbas di sini

Sila rujuk Senarai Peringatan Pelabur SC sebelum melabur

5

Imbas di sini

Daftar awam pemegang lesen SC

Senarai pengendali pasaran diiktiraf

Pastikan anda hanya berurusan dengan individu/ entiti yang dilesenkan/ berdaftar dengan SC

6

Sila rujuk portal "Semak Mule" PDRM untuk mengesahkan sama ada akaun bank dan nombor telefon yang digunakan telah dilaporkan kepada polis

7

Jika ragu, hubungi SC di talian 03-6204 8999 atau aduan@seccom.com.my

IN SUPPORT OF FEN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ialah badan berkanun dibiayai sendiri dengan tanggungjawab untuk mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia.

www.sc.com.my

@SecComMY

InvestSmart® merupakan inisiatif pendidikan pelabur Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

@InvestSmartSC

www.investsmartsc.my

@InvestSmart_SC

@InvestSmart SC

@investsmartsc

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU
Income Tax Payment For Individual

CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT
Income Tax Payment For Company

CUKAI PENDAPATAN MAJIKAN
Income Tax Payment For Employer

CUKAI PENDAPATAN & ANDA
Income Tax & You

PENDAPATAN PERNIAGAAN INDIVIDU
Individual Business Income

EKONOMI DIGITAL
Digital Economy

PENAMATAN PERKHIDMATAN
Termination Of Service

DUTI SETEM
Stamp Duty

E-DAFTAR
e-Daftar

TANGGUNGJAWAB MAJIKAN
Responsibility Of Employer

CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH
Real Property Gains Tax

CUKAI KORPORAT
Corporate Tax

CUKAI KOPERASI
Cooperative Tax

SEKATAN PERJALANAN
Stoppage Order

LHDN MALAYSIA

SISTEM E-CP39
e-CP39 System

SEKSYEN 44(6)
Section 44(6)

MYTAX
MyTax

www.hasil.gov.my

SCAN ME!

Physical Space *to* Digital Space

/LHDNM /LHDNMofficial /LHDNM /LhdnTube @lhdnmofficial 03-8911 1000